# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 46 | RABU 18HB NOBEMBER, 1981. | 1402 رابو 20 محرم | PERCHUMA


## Pengusaha2 bukan Melayu di-gesa menggimbari ranchangan2 Kerajaan

**Oleh: Jahri Haji Abdul Latif**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Perjawatan, Awang Selamat bin Munap berkata anggapan oleh sa-bilangan orang2 bukan Melayu bahawa sektor2 perniagaan khusus-nya dan bidang ekonomi am-nya, istimewa untok mereka sa-mata2 ada-lah satu2-nya sikap yang lapok dan merupakan perasaan yang kurang sehat.



Awang Selamat bin Munap

Sepatut-nya, dalam konteks negeri kita yang akan menchapai kemerdekaan-nya pada tahun 1983 ini, sikap dan perasaan sa-demikian sudah lama di-singkirkan, ujar-nya.

MENGGIMBARI

Sa-masa beruchap merasmikan Seminar Kontrektor2 Bumiputera pada hari Selasa lepas, bertempat di-Dewan MPUSB, beliau berkata, "Masa-nya sudah tiba usaha2 sektor2 swasta terutama peniaga2 dan pengusaha2 bukan Melayu di-negeri ini menggimbari ranchangan2 kerajaan."

Menurut-nya, ranchangan2 kerajaan itu telah pun berjalan beberapa tahun lalu saperti memberi kemudahan2 menerusi ranchangan2 pelajaran serta skim pinjaman kewangan.

Sa-kurang2-nya melalui ranchangan2 kerajaan sa-umpama ini, kata Awang Selamat, usahawan2 Melayu boleh mengadakan teknoloji2 dan modal2 asas.

Tetapi Awang Selamat menggesa peniaga2 dan pengusaha2 bukan Melayu supaya menggimbari ranchangan2 kerajaan itu bukan-lah dari segi teknoloji dan modal sahaja, malahan juga dari segi lain saperti pasaran, perkongsian dan sa-umpama-nya.

Bagaimana pun, beliau mengingatkan dengan tegas kapada peniaga2 dan pengusaha2 bukan Melayu supaya menggimbari ranchangan2 kerajaan itu atas asas bersama bermasharakat dan bernegara untok menchapai kemajuan.

ANJORAN BERSAMA

Seminar yang di-anjorkan bersama oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi dan Pehak Malayan Banking hari itu telah di-hadhiri oleh kira2 200 orang pemborong2 bumiputera dari seluroh negeri.

Turut juga memberikan uchapan2 mereka di-seminar itu termasok-lah Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Hj. Omar bin Haji Serudin dan Pengarah Eksekutif Malayan Banking Berhad, Raja Badrol Ahmad.

### Manis-nya Iman

"SIAPA yang dari suboh lagi tidak berniat akan menzalimi orang, neschaya Allah mengampunkan dosa kesalahan-nya. Dan siapa yang dari suboh lagi berniat akan menolong orang yang kena zalimi dan menyampaikan hajat orang Islam neschaya dia di-beri pahala ibadat haji yang mabrur." — HADITH Nabi (Durratun Nasehin).

## Enam perkara untok berjaya dalam bidang pemborong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untok menggalakkan pemborong2 bumiputera mengambil peranan aktif dan berkesan dalam perlaksanaan projek2 Kerajaan berbagai-bagai usaha dan kaedah telah dan sedang di-jalankan untok melengkapkan mereka sa-bagai pemborong yang berjaya dan maju. Salah satu usaha itu ia-lah menganjorkan seminar untok mereka.

Bagaimana pun, dorongan2 sa-umpama itu tidak akan menghasilkan pemborong2 bumiputera yang betul2 berjaya jika mereka sendiri tidak sanggup meneliti akan kelemahan2-nya, mengambil jalan untok mengatasi kelemahan2 itu dan mengatorkan strateji2 yang tertentu.

Demikian di-tegaskan oleh Pengarah Kerja Raja, Pengiran Ismail bin Pg Haji Damit sa-jurus sabelum menutop rasmi Seminar Kontrektor2 Bumiputera anjoran bersama

Lihat muka 16





TUAN Hakim Penlington berjabat salam dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sa-telah beliau mengangkat sumpah. Di-tengah ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah. Gambar kiri pula Tuan Hakim Dennis Albert Baker ketika mengangkat sumpah.

## P'JAYA MAHKAMAH BESAR YANG BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan melantek Tuan Hakim Penlington dan Tuan Hakim Dennis Albert Baker sa-bagai Pesurohjaya Mahkamah Besar Brunei yang baru.

Kedua2 hakim tersebut yang tiba dari Hongkong pada hari Sabtu lalu, telah mengangkat sumpah di-hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam satu Istiadat yang berlangsong di-Istana Darul Hana di-sini pada petang hari Isnin lepas.

Tuan Hakim Penlington dan Tuan Hakim Dennis Albert Baker akan menjadi Pesurohjaya Mahkamah Besar bagi tempoh tiga tahun yang bermula dari 16hb. Nobember 1981.

Berangkat sama di-Istiadat itu termasok-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran

Lihat muka 16

## Pertukaran Pegawai2 Kanan Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia minggu ini, telah mengumomkan beberapa pertukaran Pegawai2 Kanan Kerajaan. Antara yang terlibat dalam pertukaran itu ia-lah Pegawai Daerah Tutong Awang Hj. Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah. Beliau di-tukar ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan untok memegang jawatan sa-bagai Pegawai Pentadbir Kanan dalam tangga gaji Kumpolan 3.

Awg. Mohd. Hassan bin Hj. Mohd. Yussof, Pengurusa Pergerakan2 Pelabohan di-tukar ka-Daerah Tutong dan di-lantek sa-bagai Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

Awang Haji Puasa bin Tudin, Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan telah di-tukar ka-Daerah Belait untok memegang jawatan sa-bagai Pegawai Daerah Belait. Awg. Haji Yaakub bin Haji Ahmad, yang sa-belum ini bertugas di-Pejabat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia kini bertukar ka-Lembaga Bandaran, Ban-

Lihat muka 16

**JANGAN MEMBAZIRKAN TENAGA LETRIK**

**Pelita Brunei**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

18HB NOBEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## KAWALAN PERKARA RAHASIA

PERKARA mengawal kerahasiaan atau 'confidentiality' jabatan2 Kerajaan telah semakin lantang di-sebut. Y.A.B. Pemangku Menteri Besar baru2 ini telah menyebut-nya dengan memberikan dua tiga chontoh.

Kes-nya ada-lah jelas: Perkara2 dalam pejabat ada di-antara-nya di-ketahui di-luar pejabat dan ada setengah2-nya sa-belum di-keluarkan sa-chara rasmi telah pun di-ketahui oleh orang ramai. Dari mana-kah puncha kebochoran-nya kalau bukan dari puncha Kerajaan? Sebab itu-lah Y.A.B. Pemangku Menteri Besar mengharapkan ketua2 jabatan supaya menjalankan ikhtiar di-jabatan masing2 untok "mensedikitkan, walau pun sa-chara beransor2, soal mengeluarkan perkara2 yang seharus-nya tidak boleh di-keluarkan dari jabatan2 Kerajaan."

Memang-lah suatu perkara yang berat dan sukar bagi sa-seorang Ketua Jabatan mempastikan tidak akan berlaku sebarang kebochoran rahasia Kerajaan melalui jabatan-nya. Sa-takat kawalan2 tertentu saperti mensedikitkan orang2 yang akan mengawal perkara2 rahasia belum tentu menjamin kerahasiaan sasuatu itu. Sebab perkara ini ada kaitan-nya dengan perangai sa-gelintir orang2 dalam jabatan2 Kerajaan di-samping sikap yang umom-nya terdapat dalam masharakat berhubong dengan hal ehwal Kerajaan. Yakni: orang ramai telah terbiasa mendapat maalumat mengenai hal ehwal Kerajaan melalui puncha2 yang tidak rasmi. Maalumat2 itu kemudian menjadi perchakapan, lalu dalam keadaan tersebut itu-lah biasa-nya perkara yang maseh atau berupa rahasia telah dengan tidak di-sedari di-keluarkan atau di-bochorkan oleh 'orang dalam' yang berperangai merasakan diri-nya 'penting' dengan sebab mengetahui-nya. Maka perkara mengatasi perangai 'orang dalam' yang sa-demidian itu di-perchayai sama sukar-nya dengan mengawal kebiasaan masharakat umom yang gemar memperchakapkan hal ehwal Kerajaan berdasarkan maalumat yang tidak rasmi.

Tetapi kita perchaya oleh kerana perkara mengawal kerahasiaan ini telah di-sebut dengan lantang, maka hendak-nya semua lapisan pegawai dan kakitangan Kerajaan akan turut sama memikir dan menimbangkan kepentingan-nya. Sa-lepas itu boleh di-ketahui dan di-kesan sa-jauh mana langkah yang di-ambil bagi mengawal kerahasiaan itu telah berkesan atau sebalek-nya.

## SEMINAR PEMBORONG

SEMINAR bagi pemborong2 Bumiputera yang di-adakan minggu lepas tentu menambahkan lagi kemungkinan penyertaan mereka sa-chara yang lebeh berkesan dalam kerja2 pemborongan. Dan ada-lah menarek sekali apabila ia di-anjorkan bersama oleh Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi dan oleh sa-buah institusi kewangan swasta ia-itu Malayan Banking Berhad sa-bagai ekoran kapada kursus pengurusan kewangan yang di-anjorkan sa-chara bersendirian tidak lama dahulu. Kedudokan penglibatan institusi swasta saperti itu sangat-nya menggalakkan dan besar erti-nya dalam usaha memajukan pemborong2 Melayu tempatan.

Di-samping itu, sa-telah melihat penyertaan beberapa jabatan Kerajaan yang berkenaan saperti Jabatan Kerja Raya dan Buroh dalam menjayakan seminar tersebut maka tentu-lah pemborong2 itu dan juga peniaga2 serta pengusaha2 Melayu negeri ini mendapat kesan bahawa Kerajaan, melalui jabatan2 yang berkenaan, mampu untok mereka rujok bagi mendapatkan bimbingan dari semasa ka-semasa.

# SKIM PINJAMAN KERAJAAN BOLEH MENGADAKAN 'TEKNOLOJI' DAN MODAL2 ASAS KPD. PENIAGA2 DAN PENGUSAHA2 MELAYU

**BERIKUT ia-lah uchapan Pemangku Pengarah Perjawatan, Awang Selamat bin Munap sa-masa merasmikan Seminar Bagi Kontrektor2 Bumiputera, anjoran bersama Lembaga Kemajuan Ekonomi dan Malayan Banking Berhad, pada 10hb Nobember, 1981 yang lalu.**

TERLEBEH dahulu kita bershukor kahadrat Allah s.w.t., kerana dengan izin, limpah dan kornia-Nya jua maka kita dapat bersama2 di-majlis yang penoh berkebajikan ini. Sa-tinggi2 terima kaseh di-uchapkan kapada Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi atas jemputan beliau kapada saya yang mana penghormatan itu tidak akan saya lupakan. Setinggi2 tahniah kapada Malayan Banking Berhad atas kejayaan mereka pada mengadakan seminar ini bersama2 dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi yang mana seminar ini merupakan kali yang kedua yang di-adakan atas inisiatif dan sumbangan mereka di-negeri ini. Dan tidak ketinggalan juga uchapan selamat datang kapada pelawat2 dari Semenanjong Malaysia, mudah-mudahan kehadiran mereka di-negeri ini akan mengeratkan lagi silatulrahim yang sedia ada diantara Brunei dan Malaysia sedikit sebanyak-nya. Uchapan selamat datang juga saya lafazkan kapada peserta2 seminar dan penceramah2 seminar ini, mudah2an seminar ini akan mendatangkan kejayaan dan munafaat saperti yang kita semua hajati.

### KEJAYAAN

Sa-bagaimana yang kita semua ketahui "ethnicity" ia-itu konsep yang memusatkan langkah2 dan dasar2 kejayaan kapada golongan2 atau kaum yang tertentu di-dalam masharakat dari segi perkhidmatan2 sosial, ekonomi dan pelajaran dan lain2-nya — terutama sekali bagi faedah golongan2 atau kaum2 yang kurang maju dan bernasib — bukan-lah perkara yang baru atau yang luar biasa. Sebenar-nya langkah2 atau dasar sedemikian sudah lama dijalankan di-negara2 yang tertentu termasok Amerika Sharikat di-mana ia-nya di-adakan bagi faedah melindong dan memajukan lagi golongan2 minoriti yang kurang maju dan berada saperti orang2 kulit hitam (The blacks) dinegara itu dan lain2-nya. Di-dalam hal mengadakan langkah2 dan dasar2 bagi faedah golongan2 atau kaum2 yang tertentu yang ternampak kurang berada dan bernasib, negeri kita Brunei Darussalam ini juga tidak ketinggalan jika di-tilek dari segi langkah2 dan dasar2 yang ada didalam usaha2 ka-arah memajukan orang2 Melayu di-dalam bidang2 tertentu khusus-nya di-dalam bidang2 ekonomi. Perbezaan di-antara negara2 saperti Amerika Sharikat dan negeri ini antara lain ia-lah bahawa di-sebabkan oleh masaalah2 dan susunan2 perkauman dan ekonomi yang berlainan maka dinegeri ini langkah2 dan dasar2 ekonomi lebeh dititek-beratkan kapada kemajuan2 pengusaha2 dan peniaga2 Melayu yang terdiri daripada golongan majoriti dan bukan-nya golongan minoriti saperti mana yang di-dapati dinegara2 yang lain itu.

### KEMAJUAN

Tetapi walau bagaimana pun kenyataan2 yang Negeri Brunei juga mempunyai dasar2 atau langkah-langkah untok mempercepatkan kemajuan ekonomi orang2 Melayu yang merupakan golongan atau kaum majoriti dinegeri ini bukan-lah merupakan jaminan atau guarantee yang pengusaha2 dan peniaga2 Melayu akan menchapai kejayaan2 yang di-hajati dengan semudah2-nya. Meskipun orang2 Melayu merupakan golongan majoriti di-negeri ini dan langkah2 atau dasar2 yang menitekberatkan kemajuan ekonomi mereka memang ada, namun bukan-lah perkara yang mudah atau hanya mengambil masa yang sengkat untok mengujudkan satu golongan pengusaha2 dan peniaga2 Melayu yang kukoh dan berdikari yang boleh menyaingi pengusaha2 dan peniaga2 bukan Melayu. Proses ini, saya kira, akan memerlukan usaha2 yang consistent dari pehak2 yang tertentu termasok pengusaha2 dan peniaga2 Melayu sendiri dan berapa panjang pula masa-nya terserah-lah kapada sasaran2 kita tentang peniaga2 dan pengusaha2 Melayu serta sechepat mana kelemahan2 peniaga2 dan pengusaha2 itu dapat dikurangi.

Nampak-nya di-antara kelemahan peniaga2 dan pengusaha2 Melayu ia-lah di-segi teknoloji (di-dalam ertikata yang seluas-luasnya yang termasok pengetahuan pengurusan dan teknikal) dan modal. Di-dalam hubongan ini kemudahan2 yang ada di-bawah ranchangan2 pelajaran yang berjalan pada masa ini, serta Skim Pinjaman yang di-adakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan boleh sakurang2-nya mengadakan teknoloji dan modal2 asas kapada peniaga2 dan pengusaha2 Melayu di-negeri ini. Ranchangan2 tersebut sudah berjalan bagi beberapa tahun yang lalu dan masa-nya sudah tiba pula bagi ranchangan2 itu digimbari oleh usaha2 sektor swasta, terutama sekali peniaga2 dan pengusaha2 bukan Melayu di-negeri ini, bukan sahaja dari segi teknoloji dan modal malahan dari segi2 yang lain saperti pasaran, perkongsian dan lain2-nya atas asas bersama2 bermasharakat dan bersama2 bernegara dan bersama2 maju. Didalam konteks negeri Brunei Darussalam yang akan menchapai kemerdekaan yang penoh lagi berdaulat pada tahun 1983 sikap dan perasaan di-kalangan sabilangan orang2 bukan Melayu di-negeri ini bahawa sektor perniagaan khusus-nya dan ekonomi 'am-nya ada-lah istimewa untok mereka semata2 ada-lah satu2-nya sikap yang lapok dan perasaan yang kurang sehat yang patut mereka sudah singkirkan beberapa tahun yang lalu.

Daripada susunan ranchangan untok seminar ini nampak-nya ia-lah menchuba untok mengutarakan masaalah2 yang dihadapi oleh kontrektor2 Melayu serta melengkapkan mereka dengan serba serbi pengetahuan teknikal dan pengurusan sa-lain daripada mengadakan maklumat2 mengenai dengan sumber kewangan yang boleh di-dapati daripada Malayan Banking Berhad. "Package" atau bungkusan yang di-sajikan untok peserta2 seminar ini memang-lah sesuai dari segi memperkukohkan lagi faktor2 teknoloji dan modal yang sedia ada di-sumber2 yang lain, khusus-nya yang di-adakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Tetapi lebeh penting lagi ada-lah di-harapkan seminar yang di-adakan atas kerjasama Malayan Banking Berhad bagi kali kedua ini akan membuka mata sharikat2 di-sektor swasta yang lain terutama peniaga2 dan pengusaha2 bukan Melayu, tentang penting-nya mereka menunjokkan "goodwill" atau muhibbah kapada peniaga2 dan pengusaha2 Melayu di-negeri ini sechara konkrit dan bukan-nya sechara "lip service" sahaja kerana kemajuan perniagaan dan ekonomi bukan-lah istimewa untok orang2 bukan Melayu semata2, malah orang2 Melayu ada-lah senantiasa berhak untok menikmati-nya setakat mana Negeri Brunei Darussalam ini ia-lah tanah ayer dan bumi tumpah darah mereka.

Sekian terima kaseh.

# LAWATAN KA-BAHAGIAN PENERANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejak ranchangan siri taklimat di-gerakkan awal tahun ini, sabanyak 19 majlis taklimat telah dapat di-anjor dan selenggarakan oleh Yunit Taklimat Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Di-samping menganjor majlis2 taklimat sa-chara bersiri dua kali dalam sabulan, Bahagian Penerangan juga menerima lawatan2 dari berbagai2 pertubohan masharakat dan badan2 kebajikan, sekolah-sekolah menengah dan maktab2.

Minggu lepas, dua kumpolan pelawat sa-chara berasingan yang mengandongi 100 orang telah mengadakan lawatan ka-Yunit Taklimat, Bahagian Penerangan di-sini. Dengan dua lawatan terakhir ini, menjadikan hampir 800 orang raayat dan pendudok negeri telah mendapat faedah gerakan taklimat/penerangan.

Lawatan minggu lepas itu terdiri dari Ahli2 Jawatankuasa Mukim Sungai Kebun mengandongi 30 orang yang di-ketuai oleh Penghulu Mukim, Pateh Haji Masri bin Ismail. Kemudian dari lawatan ini, 70 orang penuntut dari MMPSBS/Sekolah Sains, Jalan Muara yang di-ketuai oleh Che'gu Mohammad bin Mokti juga mengadakan lawatan sarupa.

Kedua2 kumpolan pelawat itu telah mengikuti taklimat2 dan penerangan2 sengkat oleh pegawai2 kanan jabatan ini, mengenai dengan peranan2 dan tugas2 Bahagian Penerangan, di-samping di-bayangkan kapada mereka tentang tanggong-jawab jabatan ini yang di-anggap sabagai 'lidah rasmi Kerajaan'.

Sa-telah mendengar taklimat mereka kemudiannya di-sertai oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awg. Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dalam majlis ramah-mesra di-Bilek Muzakarah, jabatan ini.



KETUA Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin kelihatan menerangkan sa-suatu kapada rombongan pelawat dari Mukim Sungai Kebun dalam satu majlis ramah-mesra.



INI ia-lah sa-bahagian dari penuntut2 dari MMPSBS/Sekolah Sains ketika mendengar taklimat/penerangan, oleh pegawai kanan jabatan ini.

# Ketetapan harga kereta Datsun dan Toyota

UNTOK panduan dan ma'aloman orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini bahawa Pengawal Harga baru2 ini telah bersetuju menetapkan harga kereta jenis DATSUN dari SHARIKAT MOTOR TANG CHING YING dan TOYOTA dari NBT (BRUNEI) LTD. dengan susunan harga saperti berikut di-bawah ini : —

## Sharikat Motor Tang Ching Ying

| JENIS KERETA (Type of Cars) | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| DATSUN 100A SEDAN Model : SN10UB | $ 9,700.00 | $10,150.00 |
| DATSUN 130A SEDAN Model : UN10HUB | $10,400.00 | $10,850.00 |
| DATSUN 150A COUPE Model : KMN10HFUG2 | $11,200.00 | $11,650.00 |
| DATSUN 150A SEDAN Model : MN10HUC Air-condition | $12,100.00 | $12,600.00 |
| DATSUN C20 TRUCK Model : C120HSU | $ 9,900.00 | $10,450.00 |
| DATSUN C20 WINDOW VAN Model : VC 120 SVUWL | $10,400.00 | $10,930.00 |
| DATSUN C20 BLIND VAN Model : VC 120 SVU | $10,200.00 | $10,740.00 |
| NISSAN STANZA 1.6 SEDAN G Model : T11 DUC; Radio, Cassette and Air-condition | $13,850.00 | $14,350.00 |
| NISSAN STANZA 1.6 H/B Model : FT11FUC (5 doors) Radio, Cassette and Air-condition | $14,600.00 | $15,150.00 |
| NISSAN STANZA 1.6 SEDAN SGL Model : TU11UCLW; Radio, Cassette and Air-condition | $15,100.00 | $15,600.00 |
| NISSAN STANZA 1.8 SEDAN GL Model : PT11 UCP; Radio, Cassete and Air-condition | $14,800.00 | $15,430.00 |
| NISSAN STANZA 1.8 H/B Model : FPT11FUCP (5 doors); Radio Cassette and Air-condition | $15,550.00 | $16,200.00 |
| NISSAN STANZA 1.8 SGL H/B Model : KPT11FUCLPW (3 doors); Radio, Cassette and Air-condition | $16,200.00 | $16,840.00 |
| NISSAN STANZA 1.8 SEDAN SGL (AUTO) Model : PT11 AUCLPW Radio, Cassette and Air-condition | $16,400.00 | $17,060.00 |

## NBT (Brunei) Ltd.

| | | |
|---|---|---|
| TOYOTA STARLET SEDAN Model : KP60R — PHKRS Radial tyres, Radio AM, Seat belts, headrests etc. | $ 9,960.00 | $10,408.00 |
| TOYOTA COROLLA SEDAN STANDARD Model : KE70R — EEKRS Seat belts, Headrest, Fabric seat etc. | $10,750.00 | $11,205.00 |
| TOYOTA COROLLA STATION WAGON Model : KE70RG — EWKRS Seat belts, Headrest, Clock 3-band, Cig. lighter etc. | $11,4000.0 | $11,912.00 |
| TOYOTA CORROLLA SEDAN CL Model : KE70R — EEMNS (Non A/C) Seat belts, Headrest, Cig. lighter, Radio etc. | $12,160.00 | $12,655.00 |
| TOYOTA COROLLA SEDAN GL Model : KE70R — EEMNS Air-condition, Seat belts, Headrests, Cig. lighter etc. | $12,900.00 | $13,425.00 |
| TOYOTA COROLLA COUPE DX Model : KE70R — ECMDS Radial tyres, MW/SM Radio, Console box, Seat belts, Headrest, etc. | $12,750.00 | $13,284.00 |
| TOYOTA CARINA DELUXE Model : TA60R — AEKDS (Non A/C) Radial tyres, AM/FM Radio, Cassette stereo, quartz clock, Seat belts, Headrests, etc. | $13,100.00 | $13,652.00 |
| TOYOTA CARINA DELUXE Model : TA60R — AEKDS Air-cosrition, Radial tyres, AM/FM Radio, Cassette stereo, quartz clock, Seat belts, Headrests etc. | $14,400.00 | $14,972.00 |
| TOYOTA CORONA 1800 DLX SEDAN Model : TT132R — TEMDS (No A/C) Seat belts, Headrests, AM/FM Radio, Cassette stereo, Full Console box etc. | $14,100.00 | $14,697.00 |
| TOYOTA CORONA 1800 DLX SEDAN Model : TT132R — TEMDS Air-condition, Seat belts, Headrests, AM/FM Radio, Cassette stereo Full Console box, etc. | $15,400.00 | $16,017.00 |
| TOYOTA CORONA 1800 DLX L/BACK Model : TT132R — TLMDS Air-condition, Seat belts, AM/FM Radio, Cassette stereo,Full Console box, Headrests, etc. | $15,850.00 | $16,487.00 |
| TOYOTA CELICA COUPE Model : RA60R — BCMSS Air-condition, AM/FM Radio, Cassette stereo, Sunroof, Headrest, Seat belts etc. | $17,500.00 | $18,214.00 |
| TOYOTA CRESSIDA STATION WAGON. Model : RX60R — XWKDS Air-condition, AM/FM Radio, Sunroof, Seat belts, Headrest etc. | $17,200.00 | $17,926.00 |
| TOYOTA CRESSIDA STATION WAGON. Model : RX60R — XWKDS (Non A/C) AM/FM Radio, Sunroof, Seat belts, Headrest, cooler etc | $15,700.00 | $16,382.00 |
| TOYOTA CRESSIDA SEDAN DELUXE. Model: RX60R — XEMDS. Air-condition, AMIFM Radio, Sunroof, Seat belts, Headrest, etc | $17,550.00 | $18,223.00 |
| TOYOTA CRESSIDA SEDAN GL (Auto) Model : RX60R — XEHNS AM/FM Radio, Sunroof, 2000 c.c., Air-condition, Seat belts, Headrest, etc | $20,550.00 | $21,283.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.

# Ramai lagi berkursus di-seberang laut

BERAKAS. — Empat orang anggota Pulis telah berlepas ka-Hongkong baru2 ini bagi mengikuti kursus tiga minggu J7 Outward Bound di-Sekolah Outward Bound di-sana.

Menghadhiri kursus tersebut ia-lah Awang Abd. Razak bin Mahammed, Awang Md. Serudin bin Yahya, Awang Mohd. Nurolafizan bin Abdullah dan Awang Sulong bin Haji Chuchu. Kursus bagi mereka akan berakhir awal bulan depan.

Sementara itu, Dayang Masnah bte Mudim Haji Bakar dari Pejabat Kewangan kini berada di-Singapura untok mengikuti kursus Programming, bertempat di-The Coopers and Lybrand Associates di-republik itu.

Kursus yang telah bermula pada 5hb. Nobember lalu akan berakhir dalam masa dua bulan.

Dan dua orang lagi dari Jabatan Pelabohan, Pengiran Halid bin Pg. Mohammed dan Awang Nordin bin Buyong telah bertolak ka-Singapura pada hari Ahad lepas bagi menjalani kursus Planning and Operations of a Container Terminal di-republik itu. Kursus tersebut akan mengambil masa sa-lama sa-bulan.

Sementara itu, Ak. Ismail bin Pengiran Karim, Dayang Lim Swee Ben dan Dayang Anne Ang Soh Hon dari Jabatan Penerbangan Awam, akan meninggalkan Brunei pada 24hb Nobember ini, bagi mengikuti kursus Instruction in Aerodrome and Approach Control bagi sa-lama 15 minggu.

Sa-lama berkursus mereka akan di-tempatkan di-The College of Traffic Control di-Lapangan Terbang Bournemouth, Christchurch.

Dan tiga orang anggota Bomba juga akan bertolak ka-Singapura pada 29hb. Nobember depan untok menjalani kursus Fixed Fire Alarm System sa-lama tiga bulan di-republik itu.

Mereka yang akan menjalani kursus itu ia-lah Awg. Haji Ahmad bin Yusof, Kalat bin Sayang dan Awg. Abu Bakar bin Haji Sulaiman.—A.P.

## Pembetulan

NAMA Timbalan Juru Odit Agong ia-lah Daniel F. K. Wong, bukan-nya Daniel Yapp saperti yang terdapat dalam keterangan gambar di-muka 10 keluaran minggu lalu.—Pengarang.



ANGGOTA2 pulis yang berlepas ka-Hong Kong untok menjalani kursus di-Sekolah Outward Bound.

# AJARAN SESAT

## Bahagian IV

### IKTIKAD PUAK BATINIYAH

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.......



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

DI-SEBUTKAN oleh Addailami, pengarang Kitab Qawa'ed i'tiqad Ali Mohammad (Al-Batiniyah) bahawa di-antara iktikad kufur Puak Batiniyah itu ia-lah;

(1) ALAM ini kadim ia-itu mereka berkeperchayaan bahawa alam ini ada dengan tiada ada permulaan-nya.

Ternyata iktikad ini kufur, sebab ia menafikan yang alam ini di-jadikan oleh Allah s.w.t., yakni alam ini baharu. Dan ia juga menafikan ayat2 Al-Kor'an dan hadith2 Rasulullah s.a.w. yang menyatakan alam ini di-jadikan oleh Allah Ta'ala dari tiada kapada ada.

Kira-nya mereka berkata bahawa alam ini kadim maka tiada shak lagi bahawa Ugama Islam itu batil dan salah pada pandangan mereka.

(2) ANAK DALAM KANDONGAN— menurut iktikad mereka bahawa anak dalam kandongan pada bulan pertama di-jaga oleh bintang zuhal, bulan kedua oleh bintang mushtari, bulan ketiga oleh bintang marikh, bulan ke-empat oleh matahari, bulan kelima oleh zuhrah, bulan ke-enam oleh atarid, bulan ketujoh oleh bulan. Maka bintang2 itu menjaga anak yang dalam kandongan, membuat rupa paras-nya; menentukan kadar panjang, lebar dan isi-nya. Jika kandongan itu lahir pada bulan kelapan dan mati maka itu ada-lah kerana bintang zuhal sebab

## Siri ke-105

zuhal itu tabi'at-nya sejok dan lembab. Jika kandongan itu lahir pada bulan kesembilan dan ia hidup maka itu ada-lah kerana bintang mushtari sebab mushtari itu tabi'at-nya hidup.

Nyata-lah semua itu khayal dan borak! Dan nyata-lah keperchayaan sademikian itu kufur kerana mereka menafikan kesan dan pengaroh kuasa Allah s.w.t. ka-atas kejadian manusia yang Allah sendiri yang menchiptakan-nya. Nyata salah-nya lagi ia-lah kerana bintang2 dan chekerawala2 itu tidak berkuasa dan tidak mengetahui maka bagaimana ia akan menjadikan manusia atau mempengarohi kejadian-nya ?

Orang yang tiada mengaku bahawa Allah s.w.t. menjadikan manusia sila ambil perhatian akan maksud Al-Kor'an ayat 77 Surah Yassin: *"Tidak-kah orang itu mengetahui bahawa Allah menjadikan-nya dari sa-titik ayer mani kemudian ia di-jadikan kuat berdaya upaya, kemudian tiba2 saja dia sangat melawan membantah Kami berterang2 dengan menafikan hari kebangkitkan dari kubor berhimpun di-Padang Mahshar"* (ma'ana tafsir Al-Jalalain).

(3) ADA DUA TUHAN — mereka berkata bahawa Tuhan itu ada dua, satu bernama As-Sabiq dan satu lagi bernama Al-Tali, dan bahkan selain dari itu ada banyak lagi Tuhan yang mereka sebut Al-'Uqul Al-'Ashrah yakni: tiap2 satu aqal (akal) itu mengetahui apa yang sudah berlaku dan akan berlaku. Sifat yang mereka sebutkan pada tiap2 akal itu dari sepuloh akal itu menunjokkan mereka menjadikan aqal2 itu Tuhan mereka.

BEGITU juga mereka beriktikad bahawa bintang itu Tuhan dan alam ini jadi sa-chara tabi'at dengan sendiri.

DAN mereka beriktikad yang Nabi Adam ('alaihissalam) sa-telah wafat-nya ia naik pangkat kesepuloh dan mentadbir Alam Al-Kauni Wal-Fasad. Dari pangkat yang kesepuloh naik lagi ka-pangkat yang lebeh tinggi. Dan Al-Imam yang datang sa-sudah-nya itu apabila ia mati dia pula naik pangkat kesepuloh yang di-sandang oleh Nabi Adam. Sa-telah berlalu tujoh Imam (pemimpin2 mereka) maka yang ketujoh daripada mereka itu naik pangkat yang kesepuloh dan seterus-nya sahingga-lah kesudahan-nya kapada Sayidina Ali bin Abi Talib yang naik pangkat kesepuloh, lalu jadi-lah dia mentadbir Alam Al-Kauni Wal-Fasad (langit dan bumi).

BEGITU juga kata mereka bahawa Sayidina Ali bin Abi Talib berkuasa menghidupkan, mematikan, berkuasa memberi kaya dan memberi papa. Sa-lepas Sayidina Ali, kata mereka, datang pula Al-Imam ketujoh mereka ia-itu Ismail bin Jafar, dan ia naik pangkat sa-hingga kapangkat kesepuloh, ia pun mentadbiran Alam Al-Kauni Wal-Fasad.

DALIL yang menolak dakwaan mereka itu salah ia-lah kira-nya ada dua Tuhan atau lebeh neschaya Tuhan yang ramai itu akan berebut2 kuasa dan berlawan kehendak masing2 maka binasa-lah perjalanan langit dan bumi, matahari dan bulan sa-bagaimana di-firmankan oleh Allah s.w.t. dalam Surah Al-Ambia' ayat 22 yang bermaksud :

*"Jikalau ada di-langit dan di-bumi itu dua Tuhan lain daripada Allah Ta'ala neschaya rosak perjalanan kedua-nya kerana berlawan dua tadbir menurut adat sa-bagaimana berlawan dua pendapat pada hakim dalam suatu keputusan."* (Ma'ana dari Al-Jalalain).

LEBEH ajaib dari kata2 mereka bahawa Sayidina Ali itu menghidup dan mematikan. Ini sangat salah dan jahil. Orang jahil pun tiada yang mengatakan begitu apa-tah lagi orang siuman dan berakal kerana Sayidina Ali dalam masa hidup-nya tiada dapat berbuat begitu apa-tah lagi sa-telah ia mati. Dan terang dalam sejarah bahawa musoh2 Sayidina Ali sendiri telah menyerang beliau dalam peperangan sa-hingga terbunoh. Jadi tentu-lah tidak benar dia di-katakan boleh menghidup dan mematikan!

***WALLAHU A'ALAM.***

(BERSAMBONG)



SA-BAHAGIAN dari pada hadhirin yang hadhir di-majlis tersebut.

# Sambutan awal tahun Hijrah di-Pekan Muara

PEKAN MUARA. — Beberapa achara berchorak keugamaan telah di-adakan di-satu majlis sambutan awal tahun hijrah 1402 yang di-langsongkan di-Masjid Setia Ali di-sini.

Majlis yang di-adakan pada malam Jumaat lepas itu juga di-selajorkan dengan sambutan Hari Raya Haji dan majlis keshukoran bagi 44 orang jemaah haji yang menunaikan fardhu haji baru2 ini.

Mendahului majlis itu ia-lah bachaan Al-Kor'an oleh johan qariah perengkat negeri tahun lepas, Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris. Sa-lepas itu di-ikuti pula dengan uchapan nasehat daripada Yang Berhormat, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.

Di-samping itu, satu sharahan khas juga telah di-sampaikan oleh Pegawai Ugama, Pengiran Hj. Mohammad bin Pg. Haji Abdul Rahman.

Majlis ini kemudian-nya di-akhiri dengan zikir marhaban dan seterus-nya bachaan do'a selamat oleh Imam masjid tersebut.



Pg. Haji Mohammad . . . menyampaikan satu cheramah khas.

# SENTIASA BERPANDU KPD HUKUM2 ALLAH DAN SUNNAH RASUL




DI-dalam khutbah kali ini chuba kita perhatikan satu ayat Kor'an dalam Surah Al-Ahzab ayat 36 yang kira2 bermaksud:

*"Dan tiada-lah boleh bagi sa-orang lelaki mukmin dan sa-orang perempuan mukminat, apabila Allah dan Rasul-Nya telah memberi keputusan (menghukomkan) tentang sa-suatu perkara, bahawa ada bagi mereka pilehan yakni (membantah serta membuat keputusan lain menurut kemahuan sendiri) terhadap urusan mereka. Dan barangsiapa yang durhaka kapada Allah dan Rasul-Nya, maka sa-sunggoh-nya ia telah sesat pada kesesatan yang amat nyata."*

### HUKOM ALLAH

Daripada ayat Kor'an itu tadi nyata-lah kapada kita sa-bagai orang2 yang beriman bahawa hukom2 Allah yang terchantum di-dalam Al-Kor'an dan Sunah Nabi-Nya itu wajib-lah kita patohi sepenoh-nya. Dan kita sebenar-nya tiada mempunyai pilehan lain daripada itu. Kerana kalau kita memileh jalan lain sa-lain daripada yang di-tetapkan oleh hukom Allah dan Rasul-Nya pasti-lah kita akan sesat dengan kesesatan yang paling nyata. Ini kenyataan dan hukom tegas daripada Allah s.w.t. Tuhan yang menjadikan kita, yang memberi petunjok kapada kita dengan mengutus Rasul-Nya dan menurunkan kitab-Nya.

Chuba kita perhatikan pergolakan dunia sa-panjang abad kedua puloh masehi ini, berapa banyak-kah masaalah yang di-hadapi oleh umat2 manusia yang tidak pernah selesai samada Umat2 Islam atau umat2 bukan Islam.

Kadang2 sa-suatu masaalah itu terpaksa di-hadapi dengan peperangan yang bukan sedikit memakan korban. Sebab segala macham masaalah itu tidak dapat di-selesaikan dengan sempurna ia-lah kerana ada di-antara manusia2 yang berunding itu tidak ada sedikit pun di-dalam hati-nya yang tundok dan taat kapada Allah, lebeh2 apabila hukom2 Allah dan Rasul-Nya di-ketepikan maka yang tinggal ia-lah hukom hawa nafsu sendiri2. Bila hukom hawa nafsu di-pakai pasti-lah manusia akan sesat dan jika sesat pasti-lah segala usaha akan gagal.

### PEMIMPIN

Kita sendiri telah maklum bahawa junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w., ada-lah sa-orang yang tiada pandai membacha dan menulis tetapi Baginda dapat memimpin umat manusia sa-bagai pemimpin yang besar yang berbudi-pekerti, mulia dan berjiwa besar yang tiada dapat di-tandingi oleh sa-siapa pun, kerana berpandukan Kor'an. Nabi s.a.w. hati-nya bertambah suchi, berani, jujor, ikhlas, bersifat sabar, kaseh sayang, ramah tamah, suka mengorbankan harta benda, tenaga, fikiran dan lain2-nya untok kepentingan umom dan jalan Allah, kerana dengan berpedoman Kor'an. Dengan Kor'an-lah Baginda dapat mengenal dengan yakin kapada Allah s.w.t. Tuhan yang sebenar-nya Maha Esa dan yang menjadikan alam ini. Dengan Kor'an-lah Baginda mengetahui dan mengerti berbagai-bagai ilmu dan hukom tentang urusan2 dunia dan akhirat.

Oleh yang demikian wahai kaum muslimin, mari-lah amalkan ajaran2 Kor'an itu dan pastikan-lah diri kita sentiasa berpandu kapada ajaran2 Ugama Islam kita supaya segala masaalah diri kita, keluarga kita, masharakat kita dan negara kita dapat kita selesaikan dengan baik dan sempurna serta beroleh kejayaan yang di-redhai oleh Allah s.w.t. Mudah2-an Allah s.w.t., sentiasa melimpahkan taufik dan hidayat-Nya kapada kita dan para pemimpin kita serta Umat Islam sekalian untok melaksanakan segala petunjok ajaran2 Islam.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18hb Nobember, 1981 hingga ka-hari Selasa 24hb Nobember, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 19hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 20hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 21hb Nob | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 22hb Nob | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 23hb Nob | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 24hb Nob | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# BEKERJA, BERIBADAT DAN BERISTIREHAT

**Bingkisan minggu ini**

SA-BAIK2 proses kehidupan yang kita lalui ia-lah kehidupan yang dapat di-pandu dengan sempurna-nya dalam melakukan pekerjaan (menchari nafkah) ibadat dan istirehat dalam masa sa-hari sa-malam dengan betul dan terator serta di-hadapi dengan tenang dan penoh bersemangat.

Sa-telah kita beristirehat ia-itu tidor sa-lama lebeh kurang lapan jam maka sa-belum terbit fajar kita bangun mandi dan berudhu sa-terus-nya menunaikan sembahyang fardhu Suboh dan sembahyang sunnat sa-belum-nya. Sa-baik2-nya di-tambah dengan wirid dan do'a. Sa-lepas itu kita beredar ka-tempat sarapan pagi untok makan dan minum menyegarkan badan bagi persiapan menghadapi pekerjaan.

### BERISTIREHAT

Sa-telah bekerja sa-lama lebeh kurang enam jam ia-itu bermula dari jam 7.30 pagi hingga-lah ka-jam 12.15 tengah hari maka sa-kali lagi kita akan beristirehat dengan menunaikan sembahyang fardhu Dzuhur untok kira2 sa-lama sa-puloh minit saja. Urusan2 lain saperti makan dan minum dan lain2 itu bukan sa-bagai satu halangan untok beribadat kapada Allah. Sa-telah itu baru-lah kita menyambong sa-mula pekerjaan kita dan menyempurnakan pekerjaan yang di-tentukan pada hari itu. Maksud-nya kerja hari ini di-buat untok hari ini dan kerja hari esok di-buat pada hari esok. Sa-telah chukop jam pukol empat kita beristirehat lagi buat beberapa ketika untok menunaikan sembahyang fardhu 'Asar. Sa-sudah itu kita menyambong sa-mula urusan kita sa-hari2 saperti mengambil anak dari sekolah, bersiar2 mengambil angin, membacha surat khabar, membacha buku dan lain2, jika ada kelapangan.

Tetapi kita jangan pula lalai dan ashek dengan kerehatan kita sa-hingga kita tidak mengindahkan suara azan bergema menandakan waktu maghrib telah masok.

### BERJEMAAH

Pada waktu maghrib kita semua sudah berkumpol di-rumah bersama dengan isteri dan anak2. Waktu ini-lah ketika-nya kita dapat menunaikan sembahyang dengan berjemaah bersama mereka. Tetapi ada-lah lebeh baik sembahyang berjemaah itu di-adakan di-Surau atau Masjid yang berhampiran dengan rumah kita atau dalam lengkongan kampong kita, kerana di-sana kita dapat bertemu dengan jiran atau saudara mara kita di-mana kita berpeluang bertukar2 fikiran dan pendapat dan sama2 membinchangkan masaalah2 kampong dan masharakat kita. Sa-telah sembahyang berjemaah ada baik-nya di-tambah dengan wirid2 dan do'a dan lain2 ibadat yang terdaya oleh kita.

Edaran hari sa-hari itu kita tutop pula dengan menunaikan sembahyang fardhu Isha juga dengan berjemaah serta di-tambah dengan wirid2 yang pendek dan do'a. Sa-telah itu kita beredar balek ka-tempat masing2. Sa-belum tidor kita buat-lah apa2 yang patut kita buat. Sa-belum kita memejamkan mata ketika hendak tidor kita berfikir sa-jenak dan menghitong perjalanan hidup kita dalam hari yang sa-hari itu, sa-hingga terbit fajar pada hari esok-nya. Kesempurnaan hari yang telah kita lalui itu, itu-lah yang akan menentukan hari esok bagi kita.

### BERIBADAT

Sebenar-nya ada-lah mustahak bagi kita untok menentukan sendiri jadual perjalanan kehidupan kita sa-hari2. Dengan yang demikian kita akan dapat menentukan masa untok beribadat kapada Allah, berbakti kapada keluarga dan masharakat serta berkhidmat kapada bangsa dan tanah ayer dengan betul dan terator. Mudah2an dengan chara demikian itu kita akan menjadi manusia yang berdisiplin yang sentiasa ingat kapada Allah s.w.t.

## Lebeh 100 orang hadhiri kuliah ugama

PERPINDAHAN BERAKAS. — Lebeh 100 orang pendudok dan belia Kampong Perpindahan Berakas Daerah Brunei dan Muara telah menghadhiri satu kuliah ugama yang telah berlangsong di-Masjid Sufri Bolkiah pada hari Jumaat, 13hb. Nobember lepas.

Kuliah tersebut ada-lah di-kelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Perpindahan (PERKA) dan merupakan julong2 kali-nya di-adakan di-kampong tersebut.

Antara ator chara di-majlis itu ia-lah uchapan alu2an dari Yang Dipertua Persatuan PERKA, Awang Metussin bin Haji Zakaria dan kemudian-nya di-ikuti dengan uchapan pengelola kuliah, Pengiran Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Damit yang antara lain telah menerangkan tujuan kuliah tersebut ia-lah sa-bagai bimbingan ka-arah membentok peribadi belia Islam dan chara2 menghalusi bachaan dan perbuatan di-dalam sembahyang.

Satu sharahan khas juga telah di-sampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Ustaz Haji Suhaili bin Hj. Mohaidin yang telah mencheramahkan berhubong dengan chara2 mendekatkan diri kapada Allah. — AHR.

## Sambutan Maulud di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Pendudok2 di-Daerah Belait akan merayakan Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w., bagi tahun Hijrah 1402 dengan mengadakan satu perhimpunan dan perarakan mengelilingi Pekan Belait. Perarakan dan perhimpunan tersebut akan di-adakan di-Padang KBRC pada 9hb. Januari tahun depan.

Keputusan tersebut di-chapai dalam satu mashuarat pembentokan ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. yang mana telah di-adakan pada minggu lalu di-Bilek Persidangan Pejabat Daerah Belait di-sini.'

Mashuarat yang di-hadhiri oleh sa-ramai 25 orang pegawai dan kakitangan Kerajaan dan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad itu, telah melantek Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss Ibni Al-Marhum Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohamed sa-bagai Pengerusi Sambutan.

Kadhi Daerah Belait, Awg. Metussin bin Haji Timbang telah di-lantek sa-bagai Timbalan Pengerusi, dan Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Mohd. Kassim bin Haji Johan di-lantek sa-bagai Setiausaha. — AP.

# KALAU SAYANGKAN PADI BUANGKAN RUMPUT

ANDAI-NYA ada ranchangan radio yang tak lapok kerana hujan tak lekang kerana panas biar pun sa-lama ini hidup-nya beratapkan langit ber-lantaikan bumi namun ia tetap mendapat tempat di-hati para peminat, seolah2 ranchangan itu bagaikan piasau semakin tua tambah berminyak . . . itu-lah dia ranchangan Lagu-Lagu Permintaan.

Ramai orang menduga termasok saya sendiri bahawa ajal lagu-lagu permintaan itu sudah menjelang bila zaman kemegahan-nya terchabar oleh J.R. dan Sue Ellen dalam Dallas, ranchangan TOP TV di-serata dunia yang tentu saja dapat membunoh ranchangan Lagu-Lagu Permintaan Radio. Rupa-rupa-nya dugaan itu meleset. Semakin jauh J.R. terlibat dalam asmara dengan PAM semakin popular Lagu-Lagu Permintaan itu. Rupa-rupa-nya 'Love Game' antara J. R.- PAM dalam Dallas menyuborkan tunas2 chinta di-hati anak2 muda, dan bertukar-lah nada uchapan di-lagu2 permintaan daripada; ingat daku dalam doa mu . . . atau tunggu aku di-pintu shurga; kapada; lagu ini di-minta oleh SUE ELLEN di-kampong .............. istimewa untok J.R. yang berada di-........... dengan uchapan; kalau sayangkan padi buangkan-lah rumput. Nampak-nya Dallas dapat memberikan 'spring' dalam wajah baru menyampaikan geladak hati melalui ranchangan lagu2 permintaan. Bahagian Melayu Radio Brunei sudah berusaha berbagai daya untok melayan kad2 permintaan dari para pendengar tetapi semakin di-layan semakin banyak kad2 yang di-terima sa-tiap hari.

Dalam pada itu ranchangan lagu2 permintaan yang berupa ranchangan 'super special' di-kalangan muda mudi itu tidak terlepas dari taring kechaman dan keritik. Apa faedah-nya lagu2 permintaan itu, chuma untok menyabung2 hati anak muda, melalaikan mereka dari buku2 pelajaran.

Mereka lebeh hafal nama lagu2 pop dan penyanyi2-nya daripada sifat dua puloh. Sa-benar-nya radio menggunakan kesempatan kepopularan lagu2 permintaan ini untok mengin-jek fikiran anak2 muda de-ngan beberapa nasehat dan panduan yang di-selangi dalam menyampaikan lagu2 permintaan itu. Kita tidak dapat mengharapkan semua anak2 muda akan hadhir ka-Masjid kerana itu sa-suatu yang berguna dan bermunafaat dalam khutbah Jumaat itu dapat di-sampaikan pula menerusi hidangan lagu2 permintaan itu saperti sa-biji pil yang di-balut dengan gula2 supaya senang di-makan oleh anak2.

Chuma kapada anak2 muda di-peringatkan supaya jangan sampai menchemarkan peribadi bangsa dalam menyampaikan uchapan2. Agak kurang manis rasa-nya kalau kita mendengar uchapan; lagu ini di-tujukan kapada KE-KASEH-NYA . . . kerana anak Melayu tidak akan mengatakan di-khalayak ramai; ini kekaseh saya. Tetapi anak Melayu akan mengatakan ini LUCY EWING, teman saya ketika saya berada di-Dallas tempoh hari.

## intisari RTB minggu ini



PARA pelakon drama masharakat berjudol 'GELOMBANG' hasil karya IRMA, Brunei. Gambar ini di-ambil semasa latehan di-jalankan di-Studio B sa-belum rakaman-nya di-buat. Penerbit ranchangan ini, Dayang Helen Thu sedang menerangkan sa-suatu kapada pelakon2-nya, terdiri daripada Annuar Haji Abdul Hamid, Jamilah Abdullah dan beberapa orang pelakon kanak2.

Drama masharakat ini akan di-siarkan pada hari Jumaat 20hb Nobember jam 11.30 pagi, dan ulangan-nya pada hari Selasa jam 1.30 petang.

## *KEK BASAH EPAL*

**Bahan2-nya :**

16 oz mentega
10 oz gula halus
13 biji telor ayam (gunakan 8 saja puteh-nya)
2 biji epal (di-potong halus2, kemudian bubuh warna hijau)
½ gelas kismis (di-chinchang halus)
14 oz tepong biasa
10 sudu makan susu manis
½ tin susu chair
1 biji limau (ambil ayer-nya saja).

**Peratoran membuat-nya :**

Mula2 mentega dan gula di-putar sampai kembang dan hanchor gula-nya, kemudian bila sudah puteh masokkan kuning telor satu2 sampai habis. Putar lagi sampai bersatu, masokkan susu manis dan susu chair. Sementara itu pukol puteh telor di-tempat yang lain, pukol sampai naik, lalu masokkan ka-dalam adunan tadi sambil di-kachau2, masokkan pula tepong sedikit2 sampai habis, akhir sekali tuangkan ayer limau, epal dan kismis. Kachau rata2 semua-nya. Sediakan achuan lapis dengan kertas minyak. Tuangkan adunan tadi ka-dalam-nya dan bakar-lah kira2 satu jam.

## Seloka Merpati

SELOKA MERPATI minggu ini akan di-isikan oleh penyanyi2 S. Ros dan Sumadi Sukaimi. S. Ros sa-orang penyanyi yang sering munchol di-talivishen dan radio dalam ranchangan hiboran dan pernah menyandang johan Bintang Radio 1970 dan Mutika 1978 dan mewakili negara ka-Hongkong dalam pertandingan AASC.

Sementara Sumadi Sukaimi telah menyandang johan Bintang Radio 1966 dan sekarang menjadi pensharah di-Maktab Perguruan Gadong.

Ikuti-lah siaran-nya pada hari Ahad, 22hb. Nobember jam 2.30 petang dan ulangan-nya pada hari Rabu jam 1.30 petang.

## *"Musnah-lah Sa-buah Khayalan"*

PENULIS sandiwara radio minggu ini Mohd Harirul Azmi, Brunei akan melahirkan sandiwara 'MUSNAH-LAH SA-BUAH KHAYALAN'.

Sandiwara ini akan mengesahkan satu khayalan hidup yang mungkin di-tempoh oleh sa-bilangan anggota masharakat dalam mengharongi dunia chita2-nya.

Di-mana Asmah merupakan sa-orang gadis yang penoh debaran dalam menantikan tiba-nya hari perkahwinan-nya bersama Azim.

Dalam menantikan hari perkahwinan itu saperti satu macham perasaan timbul dalam jiwa Asmah, penoh debaran, rasa gelisah dalam menantikan saat yang bahagia itu. Tetapi Azim tunangan-nya sentiasa penoh kegembiraan menantikan hari bahagia mereka yang tak lama lagi akan menjelang.

Satu ketika Asmah bermimpi yang burok terjadi menimpa ka-atas mereka. Dalam mimpi itu mereka telah mendapat kemalangan jalan-raya.

Dan apa yang di-alami oleh Asmah melalui mimpi-nya itu, lebeh menambahkan lagi kebimbangan hati-nya dalam menentukan saat2 yang bahagia bagi mereka. Tetapi ayah-nya Haji Sahak chuba menafikan mimpi burok-nya itu sa-bagai dongeng belaka. Namun diri Asmah tidak dapat melupakan perasaan kegelisahan yang di-alami-nya itu. Walau pun di-bawa berhibor oleh teman karib-nya Nora. Apa-tah lagi bakal suami-nya sendiri Azim.

Apa-kah mimpi yang merisaukan hati Asmah itu akan benar2 jadi kenyataan atau bagaimana ? Perchaya-kah dia yang sa-tiap mimpi2 yang di-alami itu akan tetap terjadi?

Untok menjawab ka-arah ini, kami persilakan awda pendengar dan peminat ranchangan ini mengikuti sandiwara MUSNAH-LAH SA-BUAH KHALAYAN yang akan di-siarkan pada hari Ahad 22hb Nobember 1981 jam 12.00 tengahari.

Sandiwara radio minggu ini akan di-terbitkan siaran-nya oleh Jamilah Abdullah.

# RANCHANGAN TVP DARI 23HB. HINGGA 29HB. NOB.

### ISNIN — 23HB NOB

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 483
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti KATA SI-MANIS, KERJA TANGAN, MAIN MUZIK, PETI SURAT, DI-MANA TEMPAT-NYA dan CHERMIN SAKTI.
KERJA TANGAN Che'gu Rokiah hari ini ia-lah membuat kereta daripada kotak machis.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 483.

### SELASA — 24HB NOB

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 484
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti PA, LONG, LIHAT DAN PERHATI, AMINAH DAN KAWAN-NYA, MENEKA BUNYI, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 484.

### RABU — 25HB NOB

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 485
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, MAIN BAKUL, AMIN, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI. Tajok CHERITA Che'gu Rokiah hari ini ia-lah GAMBANG DAN GAMBU.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 485.

### KHAMIS — 26HB NOB

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 486
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, LUKISAN DARI RUMAH, JIG SAW, HALAMAN MENGAJAR, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 486.

### JUMAAT — 27HB NOB

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, PETI SURAT, BOLA TUMBOK, HALAMAN BELAJAR, MARI MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.
HALAMAN BELAJAR Che'gu Rokiah akan mengajar benda2 bermula dengan huruf 'k'.

### SABTU — 28HB NOB

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 487
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, PETI SURAT, BELON SI-MANIS, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 487.

### AHAD — 29HB NOB

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ruangan mengajar, Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BERLAKUN, AMINAH, HALAMAN BELAJAR dan CHERMIN SAKTI.

HALAMAN BELAJAR Che'gu Rokiah akan mengajar anak2 mengeja benda2 bermula dengan huruf 'K'.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU – 18HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GODZILLA : Moonlode
5.30 NATURE OF THINGS : "Wild Africa"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FALCON ISLAND
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 FALCON ISLAND — sambongan
6.30 SAYANG ADEK KU SAYANG

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOBO : "Fastest Women Around" Lobo dan pembantu2-nya membongkar kechurian kereta2 dengan menggunakan wanita2 chantek.
7.23 AZAN ISHA
7.27 LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 GIVE US A CLUE
9.30 HAWAII FIVE O : "Shake Hands With the Man In the Moon" McGarrett menyiasat kematian sa-orang reporter yang di-perchayai telah di-bunor oleh bekas sa-orang astronaut menjadi peniaga.
10.20 TAYANGAN GAMBAR : "Lovely Circles of Children"
11.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS – 19HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DRAK PACK
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 DRAK PACK — sambongan
6.30 EVOLUTION Drifting Continents

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY : "Space Rockers"
7.27 BUCK ROGERS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 TO THE MANOR BORN
10.05 WALKING TALL : "The Hitman" Sheriff Bufford Pusser boleh menghanchorkan kumpolan jahat dalam daerah-nya, tetapi kalau penjahat itu dari daerah lain, dia hanya dapat membuat chubaan sahaja.
10.55 TRAPPER JOHN M.D.
11.45 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT – 20HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL : Ambush



GREGORY Harrison (kiri) dan Parnell Roberts pasangan yang memegang peranan penting dalam siri TRAPPER JOHN M.D. Sa-tiap hari Khamis, kira2 jam 10.55 malam.

5.30 THE LONE RANGER : The Renegade
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 YOU ASKED FOR IT — sambongan
6.30 MAGIC PALACE

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HANGING BY A THREAD
7.23 AZAN ISHA
7.27 HANGING BY A THREAD — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 SERIKANDI
9.10 BENSON : "Benson In Hospital"
9.40 GUSTI
10.25 THE SWEENEY : "Feet of Clay"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU – 21HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 NEW POPEYE SHOW — sambongan
6.35 BEWITCHED : "Samantha's Witchcraft Blows A Fuse"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 QUINCY : "Dear Mummy"
7.24 AZAN ISHA
7.28 QUINCY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 MARI MEMASAK
9.30 TAYANGAN FILEM INDONESIA: Sembilan Janda Genit
11.25 THE BIG VALLEY : "The Secret"
12.10 SIARAN TAMAT.

## AHAD – 22HB. NOB.

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.14 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 SHANE : "The Great Invitation" bahagian 2.
4.00 HARPER VALLEY : Don Juan and Two
4.30 KAP KAP UDANG
4.50 BAGPUSS
5.05 SHAZAM
5.25 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FLASH GORDAN
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 FLASH GORDON — sambongan
6.30 CHILDREN'S SHORT STORIES "Granny Lives In Galway"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS : "The Shaming of the Shrew"
7.24 AZAN ISHA
7.28 ENOS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 HOW TO DRIVE : "Night Driving" Problem memandu di-daktu malam.
8.55 ONLY WHEN I LAUGH
9.25 AWANG KERAMBIT (SBC)
9.55 EAST OF EDEN (siri baru)
10.45 ARMCHAIR THRILLER : "Dying Day" Episod 1
11.15 SIARAN TAMAT.

## ISNIN – 23HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME — (ulangan)
5.15 NEW MIGHTY MOUSE
5.35 ANIMAL IN ACTION
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TARZAN : Algie B, for Brave
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART
7.24 AZAN ISHA
7.28 HART TO HART — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 SKAG : What Passes For Love In East Pittsburgh — episod terakhir
9.50 SURVIVAL : "Two In The Bush"
10.30 KNOTT'S LANDING : "Remember The Good Times"
11.25 SIARAN TAMAT.

## SELASA – 24HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH :
5.00 HERE'S BOOMER : "Boomer Goes For Gold"
5.30 LITTLE BLUE
5.45 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL "Me and Dad's New Wife" Sa-orang penuntut wanita merasa kurang senang apabila mengetahui bahawa guru ilmu hisab-nya ia-lah isteri baru ayah-nya.
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 FAMILY HOUR FESTIVAL : (sambongan)

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO : "He's Looking At You, Kid"
7.24 AZAN ISHA
7.28 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 ARENA SOKAN
9.20 TAYANGAN GAMBAR : "Coogan's Bluff"
10.40 BOGNOR : "Let Sleeping Dogs Lie" bahagian 3
11.15 SIARAN TAMAT.




# Keputusan pertandingan permainan lalu-lintas anjoran Shell

SERIA. — Sekolah Persediaan Inggeris Datu Ahmad, Daerah Brunei-Muara telah berjaya menyandang gelaran johan pertandingan Permainan Lalu-Lintas Shell perengkat sa-negeri yang telah di-langsongkan di-Bandar Seri Begawan, baru2 ini.

Sekolah Persediaan Inggeris Mabohai, juga dari Daerah Brunei-Muara menjadi naib johan, sementara Sekolah Persediaan Inggeris Abdul Rashid Tanjong Maya, Daerah Tutong, di-tempat ketiga.

Pertandingan tersebut ada-lah di-anjorkan bersama oleh Sharikat Minyak Shell Brunei, Jabatan2 Daerah, Jabatan Pelajaran dan Pulis Diraja Brunei.

Tujuan mengadakan pertandingan tersebut ada-lah untok meninggikan taraf, mutu dan chara berawas2 bagaimana memelihara keselamatan di-jalanraya di-kalangan kanak2 sekolah.

Sa-banyak 10 buah sekolah rendah dari ka-empat2 daerah telah mengambil bahagian.



GAMBAR menunjokkan dari kiri: Awang Barry Ross, Awang Berggren, Awang Tom Paree (OPD/1), Pengiran Mashor bin Pengiran Ahmad dan Awang Osman bin Pengiran Petra (kedua2-nya dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik Kerajaan).

# Lawatan diplomat ka-padang minyak

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei telah menerima dua orang tetamu Diplomat, baru2 ini. Mereka ia-lah Konsul Agong Sweden, Awg. Hakan Berggren dan isteri beliau.

Kedua2 pelawat itu telah di-beri penerangan mengenai sejarah Shell Brunei dan kegiatan2 Shell oleh Penasehat Hal Ehwal Awam, Awang Ross.

Awang Berggren telah juga di-bawa melawat ka-Ampa-9 di-luar pantai manakala isteri beliau di-bawa melawat ka-Rumah Sakit Panaga, Sekolah Panaga dan Kedai membeli belah sharikat.

SA-ROMBONGAN mengandongi 25 orang Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, telah mengadakan lawatan ka-Sharikat Minyak Shell Brunei, baru2 ini.

Mereka di-berikan penerangan berhubong dengan kegiatan sharikat.

**GAMBAR kanan menunjokkan mereka di-bawa di-pemasangan alat komputer dan di-ikuti dengan soal-jawab.**



## Kursus suai-kenal

SERIA. — Sa-ramai 11 orang terdiri dari Pegawai2 Askar Melayu Diraja Brunei juga telah mengikuti satu kursus suai-kenal sa-lama empat hari di-Sharikat Minyak Shell Brunei, Selasa lalu.

Dalam ranchangan kursus tersebut termasok-lah penyampaian taklimat oleh beberapa orang wakil pejabat2 Shell. Kursus tersebut di-ikuti dengan beberapa lawatan ka-Kilang Penapis Minyak, Pusat Latehan Terknikal, Kilang Gas Chechair Asli di-Lumut dan pemasangan luar-pantai.

# Permainan yang mempunyai nilai pendidekan dapat memupok minat kanak2

**Oleh : Aisah Piee**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bermain ada-lah aktiviti yang utama bagi kanak2 di-taman didekan kanak2 atau pra-sekolah dan sekolah rendah kerana ia merupakan salah satu chara bagi memperkembangkan minat sa-seorang kanak2 dalam pembelajaran.

Bermain dengan benda2 bersama dengan kawan2 sa-baya ada-lah penting kapada kanak2 dalam zaman kanak2-nya kerana di-perengkat ini mereka mempunyai keinginan meneliti benda2 dan alam sekeliling, membena, menchipta dan kemudian merosakkan, dan berkeinginan mengetahui sesuatu dan mengumpul barang2.

## NILAI PENDIDEKAN

Beruchap ketika merasmikan Seminar Pendidekan dan Pengajaran kali pertama anjoran Sekolah Nusa Laila Puteri, yang berlangsong di-Bilek Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini baru2 ini, Awang Umar bin Haji Ahai, Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, seterus-nya menekankan sa-tiap permainan kanak2 itu mesti-lah mempunyai nilai2 pendidekan.

"Dengan ini kanak2 dapat melahirkan perasaan mereka, fikiran mereka, mengembangkan berbagai konsep, mengembangkan sifat yang boleh memileh di-antara baik dan jahat, menganalisa, mengembangkan imijinasi dan membuat kesimpulan sendiri," tambah-nya lagi.

Tetapi apa yang sangat penting, kata-nya, ia-lah peranan guru2 kerana, kanak2 keselurohan-nya mempunyai sifat2 semula jadi saperti ingin di-perhatikan, di-puji dan ingin tahu, tidak akan bebas mengembangkan minat mereka tanpa ada-nya panduan dan bimbingan dari guru2.

"Oleh itu, pengetahuan mengenai perkembangan kanak2 ada-lah penting kerana dengan pengetahuan itu dapat-lah di-salorkan pelajaran2 yang sesuai dan berkesan," jelas beliau.

Sifat2 dan pengetahuan guru mengenai perkembangan kanak2, suasana sekolah yang menyenangkan dan menggembirakan dan tidak tegang dan menyusahkan, akan menolong meredakan ketegangan emosi kanak2 yang baru menjejakkan kaki ka-sekolah serta akan membolehkan terchapai-nya matalamat pendidekan di-sekolah rendah yang merupakan sa-bagai asas pembenaan bagi perkembangan sa-terus-nya.

## LANGKAH2 BAIK

Menyentoh mengenai seminar yang berthemakan 'Berkhidmat Kapada Masharakat Dengan Penoh Tanggong-jawab, Dedikasi dan Berdisiplin' yang julong2 kali-nya di-adakan itu, Awang Umar menegaskan usaha sa-umpama itu ada-lah satu langkah yang baik bagi meninggikan mutu pendidekan.

Seminar telah membentangkan beberapa kertas kerja termasok pelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris, Ilmu Hisab, Pelajaran Teori dan Praktikal dan Latehan Jasmani.



**AWANG Umar bin Haji Ahai, beruchap sa-belum merasmikan seminar tersebut.**

# Kempen Minggu Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN. —Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan akan mengadakan kempen Minggu Kesihatan yang akan bermula pad 14hb hingga 19hb Disember depan. Thema kempen kesihatan pada tahun ini ia-lah 'Keadaan keliling yang berseh — Bangsa yang sehat.'

Menurut Pegawai Perubatan Kanan, Bahagian Kesihatan Awam, Dr. P. Durayappah, thema itu sengaja di-pileh kerana ia-nya sesuai dengan keadaan negeri kita sekarang di-mana negeri kita pada masa ini terlibat dengan pembangunan yang pesat tentu-nya keadaan keliling kita tidak-lah sa-begitu berseh.

Thema ini juga di-pileh memandangkan tahun ini ia-lah 'Environment Year' di-mana negara2 di-seluroh dunia menekankan peri mustahak-nya keadaan sekeliling yang berseh.

Saperti pada tahun2 yang lalu, kempen tahun ini juga akan melibatkan penyertaan dan sokongan jabatan2 kerajaan dan orang ramai. Tetapi semangat keberseban dalam menjayakan kempen tersebut tidak kekal lama.

Menurut Dr. D. Durayappah, jalan yang paling berkesan untok meningkatkan kesedaran awam dan mengekalkan minat mereka terhadap kempen kebersehan ini ia-lah dengan chara melibatkan mereka sepenoh-nya dan bertanggong-jawab menjayakan kempen2 saperti ini dan saperti biasa pehak kesihatan akan memberikan kerjasama sepenoh-nya.

Untok menjayakan kempen ini sa-chara menyeluroh ka-kampong2, pehak kesihatan juga akan mengadakan perjumpaan dengan penghulu2 dan ketua2 kampong bagi menerangkan chara2 yang paling berkesan bagi menjayakan kempen kebersehan ini dan menggalakkan mereka untok mengamalkan sifat2 pero berseh. — MHR.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI:

- 6.00–6.02 pagi: Allah Peliharakan Sultan
- 6.02–6.30 pagi: Sinaran Wahyu
- 6.30–8.30 pagi: Dendang Suria
  - Bingkisan Hari Ini
  - Suntingan Hidayah
  - Peringatan Harian
  - Panduan Sokan
  - Bertutor Dalam Bahasa Inggeris
- 12.00–12.45 T/H: Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
- 7.30 malam dan 1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
- 6.00 petang: Siri Mukkaddam
  - Bingkisan Hari Ini
  - Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib
- 10.15 malam: Bachaan Al-Kor'an
- 10.24 ,, Do'a Restu
- 10.29 ,, Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA:

- 7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
- 10.00 pagi
- 12.45 tengah hari
- 1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
- 5.30 petang
- 8.00 malam
- 8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
- 9.30 Berita Dunia dari BBC London.

**Menyiarkan AZAN:**

- Dzohor
- Asar
- Maghrib
- Isha.

## SIARAN F. M. STEREO

**92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.**
**93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.**

## GELOMBANG SEDERHANA

**675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.**
**594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.**

### Hari Rabu 18hb. Nob.

PAGI:
- 7.30 Sudut Pelita
- 8.30 Rimba Raya
- 8.45 Persembahan Ku
- 9.00 Permintaan Pagi Rabu
- 10.15 Rampaian Joget
- 10.30 Surat Dari London
- 10.45 Riang Ria
- 11.00 Taman Mekar
- 11.30 Autograph Pendengar

T/HARI:
- 1.30 Seloka Merpati

PETANG:
- 2.00 Chitra Irama (SU)
- 2.30 Tahniah dan uchap selamat
- 3.15 Hiboran Petang
- 3.30 Bingkisan Tanah Ayer
- 4.00 Bangsawan di-udara
- 4.30 Dendang Sharifah Aini
- 5.00 Serbanika Hiboran
- 5.45 Rampaian Asli.

MALAM:
- 7.00 Rangkaian Lama dan Baru.
- 8.30 Permintaan Sukaramai
- 9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 19hb. Nob.

PAGI:
- 8.30 Ruangan Kitani
- 9.00 Dendang Antarabangsa
- 9.30 Pilehan Pendengar
- 10.15 Penglipor Lara
- 10.30 Rampaian London
- 10.45 Aneka Lagu
- 11.00 Permintaan Suka Ramai.

T/HARI:
- 1.30 Instrumental Inggeris
- 1.45 Rimba Raya

PETANG:
- 2.00 Gema Keronchong
- 2.30 Sandiwara Radio (SU)
- 3.15 Hiboran Petang
- 3.30 Kuliah Pendidekan Sastera
- 4.00 Tafsir Al-Koran
- 4.30 Soal Jawap Ugama
- 5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
- 5.45 Lagu2 Nasehat.

MALAM:
- 7.00 Bachaan Surah Yassin
- 8.30 Bimbingan Al-Koran
- 9.00 Permintaan Lagu2 Lama
- 9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 20hb. Nob.

PAGI:
- 8.30 Pertanian
- 9.00 Persembahan Gambus
- 9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
- 10.15 Soalan Di-Udara
- 10.30 Belia Mewakili Zaman-nya
- 11.00 Bimbingan Al-Kor'an (SU)
- 11.30 Lukisan Masharakat.

TENGAH HARI:
- 12.00 Irama Dakwah
- 12.15 Bachaan Al-Kor'an Menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat
- 1.15 Qasidah/Nashid
- 1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG:
- 2.00 Majallah Radio (SU)
- 2.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara
- 3.15 Muzium Di-Udara
- 3.30 Focus Radio
- 4.00 Cherpen dan Salokan
- 4.30 Langgam Suara
- 5.00 Apa Pendapat Awda.
- 5.15 Pilehan Juruhebah.
- 5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM:
- 7.00 Chitra Irama
- 8.30 Kampong Terpuji (SU)
- 9.00 Petekan Soal Jawap Ugama (SU)
- 9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 21hb. Nob.

PAGI:
- 8.30 Focus Radio
- 9.00 Riang Ria
- 9.15 Soalan Di-Udara
- 9.30 Pilehan Pendengar
- 10.15 Varia Peristewa
- 10.30 Rampai Sari
- 11.30 Hiboran Untok Adek2.

T/HARI:
- 1.30 LAGU2 Dari Filem
- 1.45 Muzium Di-Udara

PETANG:
- 2.00 Permintaan Hujong Minggu
- 3.15 Aneka Lagu
- 3.30 Chitra Irama
- 4.00 Mutiara Asli.
- 4.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara.
- 5.00 Rangkaian Lama dan Baru
- 5.45 Irama Zapin.

MALAM:
- 7.00 Titian Budaya
- 8.30 Cherpen dan Salokan
- 9.00 Irama Keronchong
- 9.45 Langgam Suara (SU)

### Hari Ahad 22hb. Nob.

PAGI:
- 8.30 Majallah Radio (SU)
- 9.00 Taman Mekar
- 9.30 Dunia Wanita
- 10.15 Titian Budaya
- 10.30 Senandong Seloka
- 11.00 Ruangan Ketani
- 11.30 Suara Kugiran

T/HARI:
- 12.00 Sandiwara Radio
- 12.30 Irama Gembira
- 1.00 Permintaan Dua Steshen

PETANG:
- 2.00 Kampong Terpuji
- 2.30 Seloka Merpati
- 3.15 Hiboran Selingan
- 3.30 Mari Berpantun
- 4.00 Arena Sokan
- 4.30 Chitra-wara
- 5.00 Selayang Pandang
- 5.45 Irama di-senja.

MALAM:
- 7.00 Bangsawan Di-Udara
- 8.30 Suara Parajurit
- 9.45 Permintaan Lagu2 Lama

### Hari Isnin 23hb. Nob.

PAGI:
- 8.30 Serbanika Hiboran
- 9.00 Dendang Antarabangsa
- 9.30 Pilehan Pendengar
- 10.15 Berdendang Dengan-ku
- 10.30 Sains dan Perusahaan
- 11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI:
- 1.30 Bingkisan Tanah Ayer

PETANG:
- 2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
- 2.30 Permintaan Jiran Tetangga
- 3.15 Rampaian Joget
- 3.30 Kuliah Pendidekan Sastera
- 4.00 Senandong Seloka
- 4.30 Pertanian
- 5.00 Komintar Radio
- 5.15 Pilehan Ku
- 5.45 Lagu2 Rampaian.

MALAM:
- 7.00 Selayang Pandang
- 8.30 Permintaan Sukaramai
- 9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 24hb. Nob.

PAGI:
- 8.30 Suara Perajurit (SU)
- 9.30 Permintaan Kaum Wanita.
- 10.15 Irama Hindustan
- 10.30 Rampaian London
- 10.45 Lagu2 Rampaian
- 11.00 Autograph Pendengar
- 11.30 Dunia Wanita (SU)

T/HARI:
- 1.30 Lukisan Masharakat (SU).

PETANG:
- 2.00 Ku Sampaikan Salam
- 3.15 Gema Silam
- 3.30 Kuliah Pendidekan Sastera (SU)
- 4.00 Suara Kugiran (SU)
- 4.30 Belia Mewakili Zaman-nya (SU)
- 5.03 Varia Peristiwa
- 5.15 Sayu dan Merdu
- 5.45 Senandong Senja.

MALAM:
- 7.00 Hiboran Pilehan (SN)
- 8.30 Permintaan Sukaramai
- 9.45 Senandong Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

- 8.00 Talk: Music of India (iv) Rossini: William Tell Overture
- 8.45 Beethoven: Pastoral Symphony (movements 3, 4 & 5)
- 9.30 Selection of short pieces including Bereeuse from "Dolly" (Flute) Mozart: Obec Concerto in C (3rd Movement) Purcell: Ode To St. Cecilia

### Thursday

P.M.
- 8.15 Hello Tomorrow
- 8.45 Perspective
- 9.00 Rock Line
- 9.30 Story Time: 'Dear Me! by Peter Ustinov — 3

### Saturday

P.M.
- 8.15 Melody Time
- 8.45 Fact or Fantasy (repeat).
- 9.30 Top Of The Pops.

### Monday

P.M.
- 8.00 Dateline
- 8.45 Up The Belait Without A Paddle
- 9.30 Thirty-Minute Theatre "The Quality of Life" by Max Marquis.

### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.
- 8.15 Just For You
- 8.30 Radio Newsreel
- 9.00 Just For You (continued)
- 9.30 Stereo Pop Special: "Wishbone Ash" Side 2

### Daily

A.M.
- 7.00 BBC and Local News
- 7.15 Musical Hour
- 8.15 Radio Newsreel
- 11.00 Ladies At Eleven — except holidays
- 12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.
- 8.30 Radio Newsreel
- 9.15 News.

### HOLIDAYS — Friday

A.M.
- 11.00 Practical World
- 11.15 Light Music from Netherlands
- 11.30 Children's Half Hour
- 12.00 Soundtrack of the Sixties

P.M.
- 12.45 My Music
- 1.15 BBC Sports Magazine
- 8.15 World of Books
- 8.45 International Money Programme
- 9.00 Strictly Instrumental
- 9.30 Stringsound

### Sunday

A.M.
- 11.00 Ideas as they come
- 11.15 Big Band Sound
- 11.42 Career Prog.: "Your Choice"
- 12.00 "Fact or Fantasy"
- 12.45 In Latin Mood with Perez Prado and His Orchestra.
- 1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.
- 8.00 Science Pop
- 8.15 Career — Your Choice — Hotel and Catering (repeat)
- 8.45 World of Education
- 9.00 Hot Questions Cool Replies
- 9.30 Inter School Debate.



SALAH satu perlawanan sedang di-jalankan.

# KEJOHANAN CHATOR KEBANGSAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan Chator Kebangsaan yang di-anjorkan oleh Persatuan Chator Kebangsaan Negeri Brunei telah berakhir minggu lalu dengan perlawanan khas antara Pengiran2 Cheteria, Pehin2, ketua2 kampong, dewan2 perniagaan, peniaga2 tempatan dan swasta serta guru2, sa-belum majlis penyampaian hadiah yang telah di-langsongkan di-Pusat Belia di-sini.

Perlawanan yang di-adakan pada hari tersebut telah di-menangi oleh Jabatan Pelajaran, kedua Pasokan Swasta dan ketiga Pengiran2 Cheteria dan Pehin2.

Dengan kemenangan ini, pasokan Jabatan Pelajaran telah berjaya memenangi piala rebutan kornia Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah.

Kejohanan Chator Kebangsaan ada-lah di-anjorkan sa-bagai projek tahunan persatuan tersebut sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali ke-35 tahun.

Dalam perlawanan perseorangan bagi pemain2 Daerah Brunei dan Muara tempat pertama dimenangi oleh Awang Mohamad bin Haji Wasli, kedua Ak. Omarbakri bin Pengiran Japar dan pemenang ketiga ia-lah Awang G.S. Agabao.

Perlawanan dalam bahagian Kejohanan Chator Kebangsaan Negeri Brunei 1981 pula ada-lah merupakan satu perlawanan bagi merebut piala yang di-korniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Johan dalam bahagian ini telah di-menangi oleh Awang Mail bin Mohd. Yusof, kedua Awang Asnawi bin Haji Abd. Halim dan ketiga jatoh kapada Awang Libaha bin Haji Udin.

Sementara dalam bahagian berpasokan ia-itu bagi merebut piala sumbangan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris Ibni Pengiran Maharaja Laila Sahibol Kahar Pengiran Muda Abdul Kahar, pertama pasokan Pengiran Laila Wijaya, kedua ia-lah pasokan Sumbiling dan ketiga pasokan Tihir, Sungai Kedayan.

Hadiah2 di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar, Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof Ibni Pengiran Pemancha Pengiran Muda Hj. Mohammad Alam.




# Jabatan Bandaran menangi Piala Aziz

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Bandaran telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan bolasepak antara johan2 liga jabatan2 kerajaan kali pertama yang telah di-langsongkan di-Padang Besar di-ibu negeri di-sini pada hari Ahad lepas satelah menewaskan pasokan Kastam dan Eksais dengan jaringan satu gol tidak berbalas.

Dengan kemenangan ini pasokan tersebut telah berjaya memenangi Piala Aziz yang di-hadiahkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Hj. Umar.



KELIHATAN Awang Haji Salleh bin Haji Hidup menyampaikan Piala Aziz kapada ketua pasokan Jabatan Bandaran yang telah menjadi juara kejohanan itu.

### YANG PERTAMA

Kejohanan yang di-anjorkan julong2 kali-nya itu telah di-sertai oleh lima buah jabatan2 kerajaan. Pusingan awal perlawanan tersebut telah di-jalankan pada bulan September yang lalu.

Hadiah2 kapada pemenang di-akhir perlawanan telah di-sampaikan oleh Awang Haji Salleh bin Hj. Hidup, Pegawai Pentadbir Kanan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan selaku wakil peribadi Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj. Abd. Aziz.

Turut menyaksikan perlawanan itu termasok-lah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Pengawal Kastam dan Eksais, serta pegawai2 kanan kerajaan dan jemputan khas yang lain.

# Peluang memasoki kelas dewasa di-Sekolah Melayu Datu Gandi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penyelia Pelajaran Dewasa Sekolah Melayu Datu Gandi dengan ini memaalomkan bahawa pendaftaran bagi memasoki kelas2 urusan rumahtangga, menaip, trengkas, membenteras buta huruf dan Bahasa Inggeris kini sedang di-buka.

Kelas2 tersebut akan di-adakan di-Sekolah Melayu Datu Gandi, Sekolah Melayu Sungai Besar dan Sekolah Melayu Pudak pada tahun depan.

Oleh yang demikian kapada mereka yang ingin memasoki kelas berkenaan boleh-lah mendapatkan borang2 permohonan dari sekarang melalui guru2 disekolah berkenaan atau terus kapada Penyelia Pelajaran Dewasa Sekolah Melayu Datu Gandi bila2 masa pejabat di-buka.

Pendaftaran bagi memasoki kelas2 berkenaan berakhir pada bulan Januari 1982.

# Perlawanan pusingan awal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan pusingan awal kejohanan terbuka ping pong anjoran Persatuan Ping Pong Amateur Negeri Brunei telah di-mulakan di-Pusat Belia pada minggu lalu.

Kira2 90 orang peserta mengambil bahagian dalam kejohanan kali ketiga itu.

Perlawanan akhir di-jadualkan akan di-adakan pada 29hb Nobember ini.

# Lumba basikal uji masa: Dua rekod di-chipta

LIMAU MANIS. — Pasokan REYNOLDS dari Kuala Belait telah munchol sa-bagai johan di-kejohanan Lumba Basikal Uji Masa Berpasokan 100 kilometer dengan menchatetkan masa 2 jam 54 minit dan 56 saat dan berjaya memechahkan rekod tahun lalu yang di-pegang oleh Pasokan ZIBERT juga dari Kuala Belait.

Pasokan ini di-anggotai oleh Awang Micheal Teo Kim Kan, Awang Jeffery Ting Chi Teck, Awang Steven Lin Fui Ken dan Awang Desmond Chan Yock Kwang.

### NAIB JOHAN

Naib johan di-sandang oleh Pasokan Yong Sok General Construction dengan menchatetkan masa 3 jam 5 minit dan 20 saat. Pelumba2 basikal pasokan ini terdiri dari Awang Ko Hon Fah, Awang Lu Voon Hui, Awang Tan Chin Hua dan Awang Wong Soon Hin. Pasokan ini juga telah berjaya memechahkan rekod lama.

Sementara tempat ketiga jatoh kapada Pasokan Brunei Shell Marketing dengan kepantasan masa 3 jam 9 minit dan 52 saat. Pasokan ini di-anggotai oleh Awg. Kifli bin Jamaludin, Awang Sabtu bin Arshad, Awang Rafee bin Abd. Rahman dan Awang Ibrahim bin Johor.

Kejohanan yang di-anjorkan oleh Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei (PLBANB) buat kali ketiga itu ia-lah bagi merebut Piala yang di-sumbangkan oleh Sharikat Swee Sendirian Berhad yang juga menaja kejohanan tersebut pada tahun ini. Perlumbaan tersebut di-adakan di-Jalan Mulaut, pada hari Ahad 8hb. Nobember yang lalu.

### MENAREK MINAT

Sa-orang juruchakap persatuan tersebut ketika di-tanya menjelaskan bahawa tujuan di-adakan kejohanan itu ia-lah bagi menarek minat pelumba-pelumba tempatan untok lebeh bergiat dalam sokan yang di-sifatkan sa-bagai bidang sokan yang bertaraf antarabangsa.

Mengenai kejohanan pada hari itu, beliau sangat berpuas hati kerana mutu dan 'performance' pelumba2 tempatan ada-lah semakin meningkat jika di-bandingkan dengan kejohanan2 tahun lalu.

Maka dengan yang demikian juruchakap itu mengharapkan supaya pelumba2 yang berjaya pada hari itu supaya akan dapat mengekalkan performance mereka dengan mengadakan latehan2 yang seterus-nya dan kapada pelumba2 yang kurang bernasib baik beliau menyeru mereka itu pada menjalankan latehan2 yang tertentu sambil mempelajari teknik2 dan tektik perlumbaan sa-umpama itu.

Dan untok itu juga beliau menyeru supaya ramai lagi pelumba2 tempatan yang menyertai kejohanan ini di-masa2 yang akan datang. Ada-lah di-fahamkan bahawa jumlah pasokan yang mengambil bahagian di-kejohanan itu ia-lah sa-jumlah 12 buah pasokan.





GAMBAR kiri menunjokkan peserta2 memulakan perlawanan. Wakil pasokan Reynolds menerima hadiah sumbangan dari Sharikat Swee Sendirian Berhad yang di-sampaikan oleh wakil pengurus sharikat itu (atas).



PENDAFTARAN untok menunaikan fardhu haji bagi musim haji tahun 1402H/1982M telah bermula serentak di-seluroh negeri pada hari Isnin lepas di-ke-empat2 daerah. Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri sejak awal2 pagi lagi beratus2 orang telah sedia menunggu untok mendaftar. Berpuloh2 orang dari mereka telah menunggu di-pejabat tersebut sejak hari Ahad lagi dengan tujuan untok mendapatkan penerbangan yang awal.

Pada hari pertama pendaftaran itu di-buka lebeh 1,500 orang telah mendaftar di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Bandar Seri Begawan, ini sebanding dengan jumlah jemaah2 haji kita tahun lepas ia-itu sa-ramai 1,508 orang. Maka dapat-lah di-jangkakan jemaah haji kita akan bertambah ramai lagi dari tahun2 yang sudah.

Gambar atas ia-lah sa-bahagian dari orang ramai menunggu giliran pendaftaran di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Bandar Seri Begawan.

# Kenaikan pangkat Pegawai2 Kanan

Dari muka 1

dar Seri Begawan untok memegang jawatan Pengerusi lembaga tersebut. Manakala Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Ketua Yunit Latehan Jabatan Perjawatan telah di-pinjam untok bertugas di-Pejabat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok memangku jawatan Pegawai Pentadbir Kanan di-naikkan dalam tangga gaji ka-Kumpolan 3.

Awang Haji Mohd. Kassim bin Haji Mohd. Daud, Pemangku Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi di-tukar sa-bagai Pegawai Pentadbir kanan dalam Kumpolan 3 di-Bahagian Sukatan dan Timbangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan dengan tugas2 khas untok menyelideki kemungkinan bagi memperkenalkan penggunaan sistem metrik di-negeri ini.

Awang Haji Omar bin Haji Serudin, Pengawal Pengangkutan Darat di-tukar untok memegang jawatan sa-bagai Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi dalam tangga gaji Kumpolan 3. Sementara Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengawal Pengangkutan Darat kini di-lantek memangku jawatan Pengawal Pengangkutan Darat.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan juga telah berkenan menaikkan tangga gaji kapada tiga orang Pegawai Kanan Kerajaan.

Awang Selamat bin Munap, Pemangku Pengarah Perjawatan di-tetapkan dalam tangga gaji Kumpolan 1 mulai dari 1hb. Oktober, 1981.

Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie, Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi di-naikkan tangga gaji-nya dari Kumpolan 3 ka-Kumpolan 2.

Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, di-naikkan tangga gaji dari Kumpolan 3 ka-Kumpolan 2 Khas kapada batang tuboh. Beliau terus bertugas di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Tiga orang pegawai lagi telah di-tetapkan jawatan masing2. Mereka ia-lah Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani yang telah di-tetapkan dalam jawatan-nya sa-bagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Awg. Mahmud bin Hj. Bakyr telah juga di-tetapkan dalam jawatan-nya sa-bagai Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama dan Awg. Ahmad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Hj. Mohd. Yussof juga di-tetapkan jawatan-nya sa-bagai Timbalan Pengarah Perjawatan.

• Penetapan jawatan kapada tiga orang pegawai itu bermula dari 19hb. September 1981.

# Pemborong mesti bersifat jujor

Dari muka 1

Lembaga Kemajuan Ekonomi dan Malayan Banking yang di-adakan di-Dewan MPUSB, di-sini pada hari Rabu lepas.

Menurut beliau, antara perkara2 penting yang menjadi asas kejayaan mereka, pemborong2 bumiputera mesti-lah bersifat jujor, bertanggong-jawab, berpandangan jauh dan belajar dari kesalahan2 mereka yang telah lalu.



Pengiran Ismail . . . ketika menutop rasmi Seminar Pemborong.

Namun demikian kejayaan mereka dalam bidang pemborongan, menurut beliau lagi, berkehendakkan kapada 'efficiency and skill' yang bersandarkan kapada enam perkara saperti mana yang beliau gariskan :

★ Pemborong2 haruslah mempunyai organisasi yang mempunyai fungsi2 dan tugas2 yang tertentu : design, quantity, purchasing, construction dan lain2.

★ Peratoran2 kerja yang lengkap dan berkesan.

★ Quality Control yang berkesan.

★ Menyemak kerja2 yang harus di-selesaikan.

★ Merekod kerja2 yang telah selesai untok bahan2 rujokan di-masa2 akan datang, dan

★ Menggunakan chara2 pembenaan yang berkesan, effektif dan up-to-date.

"Pemborong2 harus juga mempunyai matalamat2 yang baik," kata-nya, di-samping menekankan mereka, jangan chuba menchemarkan alam sekitar, menggunakan rasuah untok mendapatkan sa-suatu dan mengamalkan sifat Ali Baba. Kalau ini di-amalkan, kata-nya, ia-nya tidak akan menghasilkan apa2 kemajuan kapada pemborong2 bumiputera.

Bagi mempastikan sa-suatu projek yang mereka laksanakan itu di-terima oleh pemilek-nya dengan rasa gembira dan puas hati, pemborong2 bumiputera di-nasehatkan, mereka mesti-lah mengambil langkah2 yang perlu dan sah menurut undang2 dan peratoran2 yang ada.

# Lima di-pileh untok chalon Penghulu

BUKIT SAWAT. — Satu majlis perjumpaan bagi memileh chalon Penghulu Mukim Bukit Sawat telah di-langsongkan di-Balai Raya kampong tersebut di-sini pada hari Ahad 15hb. Nobember lepas.

Perjumpaan itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idris Ibni Almarhum Pengiran Temanggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad.

Di-mana dalam uchapan-nya, beliau mengharapkan supaya perjumpaan itu akan dapat mengemukakan chalun yang taat setia, bertanggong-jawab dan amanah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah dan Kerajaan Baginda serta anak2 buah-nya nanti.

Pegawai Daerah itu seterus-nya menjelaskan bahawa pemilehan itu ia-lah bagi menggantikan Allahyarham Orang Kaya Indera Perkasa Awang Shari bin Karim.

Sa-ramai lima orang chalun telah di-kemukakan. Mereka ia-lah Awang Bua bin Sambang, Ketua Kampong Merangking, Awang Lampoh bin Selamat, Ketua Kampong Bukit Sawat, Awang Haji Zulkifli bin Abdullah, Awang Haji Harun bin Khatib Abd. Razak dan Awang Aminuddin bin Abdullah.

# Jadual penerbangan ka-Singapura di-tambah mulai 4hb. Disember

BERAKAS. — Mulai 4hb. Disember depan, Diraja Brunei akan memperkenalkan waktu penerbangan harian ka-Singapura dengan mengadakan penerbangan tambahan pada sa-tiap petang Jumaat dan pagi hari Ahad, menambahkan kapada 13 penerbangan sa-tiap minggu.

Penerbangan pada petang Jumaat ka-Singapura yang biasa-nya di-lakukan pada waktu2 yang sebok sahaja, sekarang akan di-tetapkan dengan jadual bertolak pada pukul 5.00 petang. Penerbangan pada petang hari Sabtu yang biasa-nya bermalam di-Singapura, akan kembali ka-Brunei pada malam itu juga, dan satu penerbangan ka-Singapura akan di-lakukan pada tiap2 hari Ahad, jam 8.00 pagi. Ini akan memberikan penumpang2 Singapura lebeh banyak pilehan penerbangan dan masa dengan Diraja Brunei.

Sa-bagai tambahan kapada penerbangan champoran pada tiap2 hari Selasa dan Jumaat, penerbangan pulang-balek ka-Singapura pada petang Sabtu juga akan di-adakan sa-bagai champoran bagi menambahkan muatan kargo dalam perjalanan yang sebok.

Walau bagaimana pun, hanya terdapat sedikit pertukaran waktu penerbangan dalam lain2 perjalanan, kechuali waktu bertolak ka-Kota Kinabalu pada tiap2 hari Sabtu dan Isnin akan di-tukarkan kapada 1.45 petang dan penerbangan ka-Singapura dan Bangkok pada tiap2 hari Khamis, sekarang akan bertolak pada jam 2.00 petang.

# Yang hadhir

Dari muka 1

Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta Kerabat2 Diraja yang lain.

Hadhir sama di-Istiadat mengangkat sumpah itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awg. Arthur Watson, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg. Hj. Isa, Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Hj. Abd. Aziz, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awg. Abd. Rahman bin Dato Setia Awg. Hj. Mohd. Taib, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg. Haji Abas, Peguam Negara dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John Lee, Pegawai Kewangan Negara serta pegawai2 kanan dari Jabatan Undang2 dan Kehakiman.



PEMERENTAH Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Brigadier Duncan Cameron kelihatan sedang menyematkan Lenchana Penerbangan (Wing) kapada Leftenan Abdul Hamid bin Nayan.

Lt Abdul Hamid adalah salah sa-orang anggota dari Chawangan Udara yang menerima lenchana tersebut di-satu majlis yang di-adakan di-Perkhemahan Berakas pada minggu lalu.

Empat orang lagi yang menerima lenchana itu ia-lah L/Kopral Mohammad Ariffin bin Saidin, L/Kopral Hadmani bin Osman, L/Kopral Husaini bin Dato Paduka Haji Bas[illegible] dan L/Kopral Awang S[illegible]mon bin Balan.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.